

SOALAN YANG SERING DITANYA
“PB e-DEPOSIT BERTEMPOH-i (PB eTD-i)”

1. Apakah PB e-Deposit Bertempoh-i?

PB e-Deposit Bertempoh-i (selepas ini dirujuk sebagai “PB eTD-i”) ialah Deposit Bertempoh-i (DB-i) patuh Syariah tanpa menggunakan kertas yang boleh diletakkan dan dikeluarkan melalui PBe (www.pbebank.com). Tiada Resit DB-i dalam bentuk fizikal akan dikeluarkan bagi peletakan PB eTD-i. Apabila peletakan berjaya dibuat, Slip Peletakan/Pembaharuan PB eTD-i yang mengandungi butiran peletakan tersebut akan dikeluarkan.

2. Adakah PB eTD-i produk deposit Islam (bukan konvensional)?

Ya, PB eTD-i ialah produk patuh Syariah Deposit Tetap Islam yang berdasarkan Konsep Murabahah Komoditi.

3. Apakah manfaat PB eTD-i?

PB eTD-i menawarkan kepada anda:

- a) Mudah – anda boleh memohon akaun PB eTD-i dan menjalankan apa juga urusan niaga melalui PBe.
- b) Peletakan dibuat pada masa nyata.
- c) Peletakan minimum yang rendah bermula daripada RM1,000.
- d) Pembaharuan automatik untuk kemudahan anda.
- e) Bayaran keuntungan akan dikreditkan dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Islam/Konvensional anda secara automatik.
- f) Penjagaan alam sekitar dengan penyata pengeluaran tanpa menggunakan kertas. E-penyata suku tahunan PB eTD-i boleh didapati dalam PBe.
- g) Kemudahan yang menyenangkan.

4. Siapakah yang layak untuk membuka akaun PB eTD-i?

PB eTD-i dibuka kepada individu berumur 18 tahun ke atas dan Empunya Tunggal yang mempunyai akaun PBe sedia ada. Pelanggan perlu mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Islam/Konvensional untuk membuka akaun PB eTD-i.

5. Bagaimana untuk membuka PB eTD-i?

Akaun PB eTD-i hanya boleh dibuka melalui PBe. Pelanggan perlu memilih Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Islam atau Akaun Semasa/Akaun Simpanan Konvensional (CASA yang Ditetapkan) semasa membuka akaun PB eTD-i. CASA yang Ditetapkan itu akan dirangkaikan kepada akaun PB eTD-i bagi tujuan peletakan, pengeluaran dan pengkreditan keuntungan. Urus niaga di kaunter tidak dibenarkan.

SOALAN YANG SERING DITANYA
“PB e-DEPOSIT BERTEMPOH-i (PB eTD-i)”

6. Bolehkah Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Konvensional menjadi CASA yang Ditetapkan untuk PB eTD-i?

Ya. Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Islam atau Konvensional boleh menjadi CASA yang Ditetapkan untuk PB eTD-i.

7. Bolehkah saya membuka akaun bersama PB eTD-i?

Tidak boleh. Akaun bersama tidak boleh digunakan untuk akaun PB eTD-i.

8. Bolehkah saya membuka lebih daripada satu (1) akaun PB eTD-i?

Ya. Anda boleh membuka lebih daripada satu (1) akaun PB eTD-i sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu (1) CASA yang Ditetapkan. Setiap CASA yang Ditetapkan hanya boleh dirangkaikan kepada satu (1) akaun PB eTD-i.

9. Apakah amaun peletakan minimum dan maksimum PB eTD-i?

Amaun peletakan minimum ialah RM1,000. Tiada amaun peletakan maksimum bagi peletakan yang dibuat melalui CASA yang Ditetapkan. Bagi peletakan melalui pindahan dana FPX, amaun deposit minimum adalah berdasarkan had yang dibenarkan oleh PIBB/PBB atau had yang dibenarkan dan ditetapkan dengan bank-bank berkenaan berkaitan dengan pindahan tersebut, mana-mana yang lebih rendah.

10. Apakah tempoh dan kaedah bayaran keuntungan yang disediakan?

Bermula pada 8 November 2019, kaedah pembayaran keuntungan melalui pengkreditan bulanan dalam CASA yang Ditetapkan akan dihentikan.

Dari segi ilustrasi, kaedah bayaran keuntungan bagi peletakan baharu dan pembaharuan peletakan sedia ada adalah seperti yang berikut:-

Tempoh	Kaedah Pembayaran Keuntungan*	
	Peletakan Baharu/Pembaharuan Peletakan Sedia ada Sebelum 8 November 2019	Peletakan Baharu/Pembaharuan Peletakan Sedia ada Mulai 8 November 2019 dan Seterusnya
1 – 12 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit dalam CASA yang Ditetapkan setiap bulan • Kredit dalam CASA yang Ditetapkan apabila matang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit dalam CASA yang Ditetapkan apabila matang • Tambah kepada amaun pokok apabila matang

SOALAN YANG SERING DITANYA
“PB e-DEPOSIT BERTEMPOH-i (PB eTD-i)”

	<ul style="list-style-type: none">• Tambah kepada amaun pokok apabila matang	
13 bulan dan ke atas	<ul style="list-style-type: none">• Kredit dalam CASA yang Ditetapkan setiap bulan	<ul style="list-style-type: none">• Kredit dalam CASA yang Ditetapkan setiap enam (6) bulan

* Kaedah pembayaran keuntungan hendaklah dipilih semasa peletakan PB eTD-i itu dibuat.

11. Bilakah tarikh kuat kuasa peletakan PB eTD-i melalui PBe?

Pada hari peletakan dibuat.

12. Adakah waktu takat bagi urus niaga PB eTD-i termasuk peletakan dan pengeluaran?

Ya. Urus niaga PB eTD-i hanya boleh dibuat antara pukul 6 pagi hingga 12 tengah malam, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu yang ditetapkan oleh Bank dalam PBe. Peletakan PB eTD-i melalui pindahan dana PFX hanya boleh dibuat melalui PBe antara 6 pagi hingga 11 malam, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu yang ditetapkan oleh Bank dalam PBe.

13. Bolehkah saya meneruskan dan membatalkan peletakan PB eTD-i saya dan menerima wang saya pada hari yang sama?

Peletakan PB eTD-i yang dibuat melalui pendebitan CASA yang Ditetapkan boleh dikeluarkan pada hari yang sama peletakan dibuat. Urus niaga peletakan dan pengeluaran pada hari tersebut TIDAK akan ditunjukkan dalam e-Penyata Suku Tahunan PB eTD-i. Peletakan PB eTD-i yang dibuat melalui pindahan dana FPX tidak dibenarkan untuk dikeluarkan pada hari yang sama peletakan dibuat.

14. Bolehkah saya menukar kaedah pembayaran keuntungan sebelum peletakan PB eTD-i saya matang?

Tidak.

15. Bagaimana untuk mengeluarkan PB eTD-i saya selepas ia matang?

Anda boleh membuat pengeluaran hanya melalui PBe. Perolehan daripada PB eTD-i yang dikeluarkan melalui PBe itu akan dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan yang dipilih semasa akaun PB eTD-i dibuka. CASA yang Ditetapkan itu akan dirangkaikan kepada akaun PB eTD-i untuk tujuan peletakan/pengeluaran/pengkreditan keuntungan. Urus niaga di kaunter tidak dibenarkan.

SOALAN YANG SERING DITANYA
“PB e-DEPOSIT BERTEMPOH-i (PB eTD-i)”

16. Bolehkah saya mengeluarkan PB eTD-i saya sebelum ia matang?

Mulai 1 Januari 2019, tiada keuntungan akan dibayar bagi pengeluaran pramatang PB eTD-i yang diletakkan atau diperbaharui pada atau selepas 1 Mei 2018.

Dari segi ilustrasi, bayaran keuntungan itu, jika ada, adalah seperti yang berikut:-

Tarikh Peletakan atau Pembaharuan	Tarikh Pengeluaran Pramatang	Pembayaran Keuntungan
Sebelum 1 Mei 2018	Mulai 1 Januari 2019	<ul style="list-style-type: none">• Tiada keuntungan akan dibayar bagi PB eTD-i yang dikeluarkan sebelum genap satu (1) bulan.• Bagi PB eTD-i yang dikeluarkan secara pramatang, selepas genap satu (1) bulan, keuntungan akan dikira dan dibayar sebanyak 50% daripada kadar berkontrak asal bagi setiap bulan penuh.
Mulai 1 Mei 2018	Mulai 1 Januari 2019	Tiada keuntungan akan dibayar.

17. Adakah pengeluaran pramatang PB eTD-i hanya boleh dibuat melalui PBe?

Ya, tertakluk pada peruntukan dalam Perkara 16 dalam ini. Apabila pengeluaran pramatang PB eTD-i dibuat, amaun pokok dan keuntungan yang diperolehi daripadanya (jika ada), akan secara automatik dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan yang dipilih semasa PB eTD-i dibuka. CASA yang Ditetapkan akan dirangkaikan kepada akaun PB eTD-i untuk tujuan peletakan, pengeluaran dan pengkreditan keuntungan.

18. Bolehkah saya membuat pengeluaran sebahagian daripada PB eTD-i saya?

Tidak. Pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi PB eTD-i.

19. Apakah yang berlaku apabila pelanggan yang mempunyai PB eTD-i meninggal dunia?

Apabila Bank dimaklumkan mengenai kematian seseorang pelanggan, arahan berikutnya akan diminta daripada Pentadbir/Wasi harta pusaka pelanggan yang meninggal dunia itu untuk mengeluarkan dana tersebut kepada Pentadbir/Wasi secepat mungkin.

SOALAN YANG SERING DITANYA
“PB e-DEPOSIT BERTEMPOH-i (PB eTD-i)”

20. Bolehkah saya mengambil bahagian dalam kempen DB-i Public Islamic Bank melalui peletakan yang dibuat di bawah PB eTD-i?

Kelayakan PB eTD-i untuk mengambil bahagian dalam kempen DB-i Bank tertakluk pada Terma dan Syarat kempen DB-i yang berkenaan.

21. Adakah saya akan menerima makluman daripada Public Islamic Bank apabila PB eTD-i saya diperbaharui?

Ya. Makluman akan dihantar melalui Sistem Mesej Dalaman (*Internal Messaging System*) apabila PB eTD-i diperbaharui.

22. Adakah saya akan menerima penyata bulanan dalam bentuk fizikal berhubung dengan PB eTD-i saya?

Tidak, tetapi e-penyata suku tahunan PB eTD-i itu boleh didapati dalam PBe.

23. Bagaimanakah saya boleh membuat pertanyaan baki mengenai PB eTD-i saya?

Anda boleh membuat pertanyaan baki melalui PBe.

24. Adakah PB eTD-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?

Ya. PB eTD-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

25. Bolehkah saya menggunakan peletakan dalam akaun PB eTD-i sebagai cagaran bagi tujuan pengakucagaran?

Tidak.